



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْاِخْوَانِ الْاِسْلَامِيَّةِ فِي سَابَا

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

21 SYAWAL 1444H / 12 MEI 2023M

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BELIA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Disediakan oleh

Bahagian Penyelidikan & Sebaran Am

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Dengan Kerjasama

Jabatan Belia dan Sukan Negara

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 10 . 05 . 2023

PEGAWAI PENYEMAK : M. [Signature]

MOHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 10/05/2023

DIBACA PADA : 12/05/2023

DILULUSKAN OLEH : [Signature]

BAHARUDIN HJ. AEWI

Ketua Ponglong Pengarah

Bahagian Penyelidikan & Informasi

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BELIA DALAM
PEMBANGUNAN NEGARA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾
وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ نَدْعُوا مِنْ

دُونِهِ إِلَهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذَا شَطَطًا ﴿١٤﴾ (سورة الكهف (18): 13-14)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ.

KAUM MUSLIMIN, TETAMU ALLAH YANG DIMULIAKAN,

Pada kesempatan yang mulia ini, saya berwasiat untuk diri saya dan kepada hadirin sekalian, agar bertaqwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa, yaitu melaksanakan segala perintah-Nya dan

menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa diberikan petunjuk dan rahmat serta perlindungan oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bersempena dengan Hari Belia Negara (HBN) yang bakal disambut pada setiap 15 Mei setiap tahun, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah Jumaat yang bertajuk: **“PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB BELIA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.”**

KAUM MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SEKALIAN,

‘Belia Tonggak Pembangunan Negara’. Itu adalah salah satu daripada cogan kata atau slogan yang sering kita dengar apabila menyentuh perihal golongan belia di Negara kita ini. Kita tidak boleh menolak hakikat bahawa belia sememangnya memainkan peranan penting dalam pembangunan sesebuah negara. Hal ini dapat dibuktikan melalui sejarah perkembangan ketamadunan unggul dunia Islam itu sendiri.

Dalam sejarah ketamadunan Islam, golongan belia adalah generasi yang banyak terlibat memainkan peranan utama sejak Islam mula bertapak di Makkah sehingga berkembang ke Madinah, seperti para sahabat Rasulullah SAW yang setia berjuang dan berjihad menegakkan kalimah Allah di muka bumi ini. Jihad mereka bukan sekadar sanggup menggadaikan nyawa, mereka juga turut berjihad dalam aspek ekonomi, politik, sosial dan intelektual. Lihat saja nama-nama besar seperti Saiyidina Utsman, Saiyidina 'Ali, 'Abdurrahman bin Auf, Ibnu Zubair, Ibnu Abbas dan ramai lagi sahabat-sahabat yang menjadi pendokong utama dan jentera pemuda penggerak pembinaan ketamadunan Islam.

Nilai dan kepentingan golongan belia ini juga turut dirakamkan oleh Allah SWT melalui kisah pemuda Ashabul Kahfi, yang terkandung dalam Surah al-Kahf ayat 13-14:

تَحْنُ نَقْصُ عَلَيْكَ نَبَأَهُمْ بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾

وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَنْ نَدْعُوا مِنْ

دُونِهِ إِلَهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذَا شَطَطًا ﴿١٤﴾

Maksudnya: "Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk. Dan Kami kuatkan hati mereka (dengan kesabaran dan keberanian), semasa mereka bangun (menegaskan tauhid) lalu berkata: "Tuhan kami ialah Tuhan yang mencipta dan mentadbirkan langit dan bumi; kami tidak sekali-kali akan menyembah Tuhan yang lain dari padanya; jika kami menyembah yang lainnya bermakna kami memperkatakan dan mengakui sesuatu yang jauh dari kebenaran."

(QS al-Kahfi (18):13-14)

Hal ini menunjukkan betapa al-Quran juga mengiktiraf golongan belia sebagai golongan yang penting dalam memberi teladan dan manfaat yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

KAUM MUSLIMIN YANG SAMA-SAMA BERBAHAGIA,

Melihat kepada suasana semasa, persoalan besar yang harus dirungkai bersama ialah bagaimana sejarah umat terdahulu ini dapat diulangi semula. Kita inginkan belia yang mengikut jejak langkah Nabi Muhammad SAW dan para sahabat. Kita juga inginkan pemuda berjati diri unggul seperti pemuda Ashabul Kahfi. Justeru itu, perkara utama yang harus dilakukan oleh kita semua ialah kesedaran sejagat.

Dalam dunia yang dinamik dan pantas ini, golongan belia menghadapi cabaran yang sangat getir. Golongan ini bukan sahaja terdedah kepada perkara-perkara yang tidak sihat termasuklah budaya hiburan melampau dan pemikiran songsang seperti LGBT, bahkan mereka sering kali dikaitkan dengan kegiatan jenayah seperti penagihan dadah, lumba haram dan sebagainya. Cabaran-cabaran seperti inilah yang menyebabkan para belia kita alpa serta lupa peranan dan tanggungjawab mereka.

Lantaran itu, sesuai dengan tema Sambutan Hari Belia Negara Tahun 2023, iaitu 'Ini Masa Kita'. Mimbar menyeru kepada para belia Islam khususnya di Negeri Sabah ini, inilah masa kalian semua untuk sedar akan peranan dan tanggungjawab kalian. Mimbar menggariskan sekurang kurangnya **ENAM** peranan dan tanggungjawab belia dalam pembangunan Negara Malaysia Madani:-

- I. menguasai ilmu pengetahuan;
- II. mempelbagaikan kemahiran diri;
- III. menjaga kesihatan mental dan fizikal;
- IV. berfikiran terbuka dan mengenal batas/had tuntutan agama;
- V. berkeperibadian unggul; dan
- VI. menerapkan daya kreatif dan inovatif dalam pemikiran dan kehidupan

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Mimbar ingin berkongsi sebuah hadis yang boleh dijadikan motivasi kepada para belia Islam kita pada hari ini,

Dari Ibnu 'Abbas, Rasulullah SAW bersabda,

اغتَنِمْ خَمْسًا قَبْلَ خَمْسٍ : شَبَابَكَ قَبْلَ هَرَمِكَ ، وَصِحَّتَكَ قَبْلَ سَقَمِكَ ، وَغِنَاكَ

قَبْلَ فَقْرِكَ ، وَفَرَاغَكَ قَبْلَ شُغْلِكَ ، وَحَيَاتَكَ قَبْلَ مَوْتِكَ.

Maksudnya: “Manfaatkan lima perkara sebelum datang lima perkara : Waktu mudamu sebelum datang waktu tuamu, waktu sehatmu sebelum datang waktu sakitmu, masa kayamu sebelum datang masa kefakiranmu, masa luangmu sebelum datang masa sibukmu, hidupmu sebelum datang kematianmu.”

(HR. al Hakim)

Dalam Hadis yang dikongsikan ini, salah satu dari lima perkara yang mesti dimanfaatkan ialah waktu muda. Waktu muda inilah masanya para belia memainkan peranan mereka melaksanakan amal soleh, samada amal soleh menjaga hubungan dengan Allah seperti melaksanakan tuntutan ibadah, mahupun amal soleh menjaga hubungan sesama makhluk seperti amalan perpaduan sosial, perkembangan ekonomi rakyat, kegiatan intelektual, pemeliharaan alam sekitar, kesihatan sosial dan sebagainya.

KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA SEKALIAN,

Sebagai kesimpulan, golongan belia pada kaca mata masyarakat adalah usia yang melambangkan kepantasan, kekuatan, semangat, sihat dan keinginan. Disebalik cabaran dan kekurangan mereka, para belia mempunyai kelebihan dan potensi untuk dimanfaatkan kepada kepentingan agama, bangsa dan negara. Justeru, marilah kita sama-sama berganding bahu, bekerjasama dan bertanggungjawab membina anak bangsa kita dengan acuan dan cara hidup sihat yang berteraskan ajaran Islam yang suci ini.

Firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا

مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarnya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

(QS al-Tahrim(66):6)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ

وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي

هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تیک س خطبہ کدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،
أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ
التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا
أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَيْنَا وَعَلَى
مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ وَفَخَامَةَ الرَّيِّيسِ
الْأَعْلَى تَوَانِ يَغْ تَرَاوَتَامِ يَغْ دَفْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ
الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, dan keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tel: 088-522142 / jheains.penerbitan@gmail.com



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.